

13 DEC 1998

UMNO-Tergempar (Bahas)

UMNO PERLU PEMIMPIN IKHLAS, JUJUR DAN SAYANGKAN PARTI

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bergambar) -- UMNO mesti dipimpin oleh mereka yang ikhlas, jujur, sayang kepada parti dan tidak munafik bagi meneruskan kesinambungan perjuangannya, kata wakil Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Badrudin Amiruldin.

Semasa berucap menyokong usul tergepar Pemuda UMNO di Perhimpunan Agung Khas UMNO bagi meminda perlembagaan parti di sini hari ini, Badrudin juga meminta anggota-anggota UMNO agar menolak "pemimpin boneka" yang beliau mendakwa dipergunakan oleh negara asing untuk menghancurkan negara ini.

"Jangan dibiarkan boneka memimpin dalam UMNO kerana kelak negara kita akan diperkotak-katikkan manakala kita akan menjadi hamba kepada Yahudi dan barat," katanya.

Badrudin juga mengutuk campur tangan Amerika Syarikat menerusi Naib Presidennya Al Gore dan Setiausaha Negaranya Madeleine Albright, yang sewaktu lawatan singkat mereka ke sini, telah secara terus terang menyatakan sokongan kepada kumpulan reformasi yang menentang kepimpinan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, menjadi tanggungjawab anggota UMNO untuk mempertahankan tanah air daripada "dijajah" oleh "haiwan berkaki dua" seperti spekulator matawang George Soros.

Wakil Perhubungan UMNO Terengganu Datuk Idris Jusoh pula berkata Amerika Syarikat tidak perlu mengajar negara ini tentang konsep demokrasi sebenarnya kerana pemimpin negara ini lebih arif tentang bentuk demokrasi yang sesuai untuk Malaysia.

"Kita tidak rela dijajah semula dalam bentuk fizikal, ekonomi, ideologi atau dalam apa juga bentuk dan Al Gore tersilap langkah apabila beliau cuba menggunakan Malaysia untuk kepentingan politik peribadinya," kata beliau.

Wakil Perhubungan UMNO Johor Muhammad Haji Aziz juga mengutuk Al Gore, Albright dan Soros dengan mengatakan bahawa mereka mungkin merupakan bangsa yang bertamadun dan kuat tetapi mereka merupakan bangsa yang tidak beradab.

"Tetapi malangnya terdapat di kalangan bangsa Melayu terutama anggota UMNO yang sanggup menjadi boneka pihak barat," katanya.

Justeru itu, bangsa Melayu, terutama anggota UMNO hendaklah menentang dan menolak mereka yang menjadi kuda tunggangan golongan yang tidak beradab itu yang kini cuba mencetuskan perpaduan bangsa demi kesejahteraan bangsa, agama dan negara.

Wakil Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Yahya Hussin berkata Malaysia perlu melancarkan perang siber dengan menggunakan Internet bagi menangkis segala dakyah Barat untuk memburukkan Malaysia.

Beliau juga menyarankan kerajaan mewujudkan stesen televisyen yang dinamakan "Global Satellite News" sebagai alternatif kepada CNN dan CNBC yang sekarang cenderung melaporkan berita tidak benar mengenai Malaysia.

Wakil Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Amrus Ibrahim pula meminta orang Melayu bersatu-padu di bawah UMNO yang selama ini terbukti berjaya memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

Wakil negeri Perlis, Hajah Mustika Junaidah mengingatkan bahawa kemerdekaan dan keamanan yang dikecapi sekarang bukan diperolehi secara mudah sebaliknya ia dicapai menerusi pengorbanan tokoh UMNO terdahulu.

Sehubungan itu, katanya, Majlis Tertinggi UMNO perlu mengambil tindakan terhadap sesiapa yang cuba merosakkan kemerdekaan dan keamanan itu.

Wakil Badan Perhubungan UMNO Perak, Hamdi Abu Bakar berkata tentangan

terhadap campur tangan asing tidak sepatutnya dilakukan oleh anggota-anggota UMNO sahaja tetapi rakyat keseluruhannya.

Hamdi berkata campur tangan asing tidak mungkin berlaku jika tidak ada "ulat-ulat" yang dapat masuk ke dalam negara ini dan jika tiada orang yang "membuka pintu" dan bersekongkol dengan mereka.

Paling menyedihkan, katanya, ialah campur tangan asing terhadap Malaysia dibantu oleh rakyat Malaysia yang mendakwa sayangkan UMNO dan negara tetapi bertindak seperti seorang penderhaka.

"Apa maknanya jika mereka berkata mereka sayangkan parti dan negara tetapi membenci Dr Mahathir. Ini bukan suara-suara orang PAS tetapi orang UMNO sendiri yang bersikap tidak ikhlas tanpa menyedari sikap mereka menyebabkan Dr Mahathir dibenci rakyat," katanya.

Wakil Badan Perhubungan UMNO Kelantan Wan Zahid Wan Abdullah berkata rakyat perlu meningkatkan perpaduan ketika diserang oleh tohmahan pihak asing dan sekiranya mereka mahu perubahan kerajaan, ia boleh dilakukan melalui peti undi.

Wakil Pulau Pinang Yusof Ismail pula, yang paling ringkas ucapannya, berkata UMNO dan pemimpinnya harus bersikap sederhana ketika meluahkan rasa benci terhadap seseorang dan dalam tindakan yang diambil.

Wakil Badan Perhubungan UMNO Selangor Datuk Saidin Tamby pula berkata demokrasi ala Amerika Syarikat yang digembar-gemburkan oleh Al Gore tidak berpaksi kerana negara itu sendiri mengamalkan demokrasi warna kulit dalam banyak perkara.

Beliau berkata Amerika sendiri tidak pernah mempedulikan nasib rakyat di negara-negara membangun terutama negara Islam dan sentiasa cuba meniupkan api perpecahan di kalangan rakyat negara-negara di mana pemimpinnya enggan mengikut telunjuk mereka.

Justeru itu, katanya, semangat patriotisme di kalangan rakyat negara ini perlu ditingkatkan bagi memerangi percubaan Amerika memaksakan ideologi politik dan ekonominya terhadap Malaysia.

Wakil Perhubungan UMNO Pahang Zainal Hassan pula berkata pihak barat berani mencampuri urusan dalaman Malaysia kerana mereka telah sekian lama menanam konco di kalangan rakyat negara ini termasuk di dalam UMNO sendiri.

Beliau berkata perbuatan itu terserlah apabila Dr Mahathir "mencabut duri dalam daging" yang ada dalam UMNO bagi menyelamatkan negara ini daripada dijajah semula dan apabila ini berlaku golongan itu enggan menerima hakikat dan mencabar kepimpinan UMNO.

Beliau berharap pada pemilihan parti tahun depan anggota UMNO tidak akan tersilap lagi dalam memilih pemimpin.

-- BERNAMA

AKT AKD